

20 OCT 2001

PASARAN WANG-MINGGUAN

KADAR ANTARA BANK DIJANGKA KEKAL PADA PARAS SEMASA MINGGU DEPAN

KUALA LUMPUR, 20 Okt (Bernama) -- Kadar Tawaran Antara Bank Kuala Lumpur (KLIBOR) dijangka kekal pada paras semasa minggu depan memandangkan mudah tunai masih banyak di pasaran, kata seorang peniaga.

Tambahan pula, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah menyatakan bahawa kadar faedah di Malaysia masih rendah.

Dr Mahathir, yang juga menteri kewangan, berkata: "Sekiranya kita merendahkan kadar itu terlalu banyak, orang ramai tidak akan menyimpan dan akan tiada simpanan tetap."

Wang satu bulan KLIBOR dan wang tiga bulan masing-masing berakhir minggu ini tidak berubah pada 3.00 dan 3.39 peratus sejak Jumaat Lepas.

Bank Negara Malaysia memasuki pasaran antara bank setiap hari minggu lepas bagi menyerap lebih mudah tunai dalam sistem sebagai usaha untuk mengekalkan paras kadar faedah kini.

Pada hari Jumaat, paras mudah tunai dalam sistem antara bank adalah kira-kira RM2.537 bilion, yang mana daripada RM803 juta adalah daripada sistem konvensional dan RM1.734 bilion selebihnya adalah daripada sistem perbankan Islam. -- BERNAMA

MK SHY NHD